

UMS giat usaha bantu Sabah capai imuniti kelompok

Mengoptimumkan segala kemudahan untuk capai sasaran 80 peratus penduduk menerima vaksin menjelang Disember

UB 6.09.2021 P.04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) giat menggembang usaha dalam membantu kerajaan negeri untuk mencapai imuniti kelompok 80 peratus penduduk negeri ini divaksin menjelang Disember depan.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, UMS berusaha mengoptimumkan segala kemudahan, sumber tenaga dan kepuaran bagi membantu kerajaan negeri menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kehangsaan (PICK).

Katanya, usaha itu selaras dengan pengumuman Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad yang memberi tanggungjawab kepada UMS sebagai Pusat Pemberian Vaksin Institusi Pengajian Tinggi (PPV-IPT).

Menurutnya, lebih 170 petugas membabitkan petugas klinikal, sukarelawan kakitangan dan pelajar, bahagian keselamatan dan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) serta sukarelawan Malaysia Vaccine Support Volunteers (MyVAC) dijemputkan bagi membantu kelancaran proses pemberian vaksin.

"Sejak PPV-IPT UMS dibuka pada 14 Jun lalu, petugas UMS memberikan sejumlah 90,738 dos vaksin meliputi 52,175 penerima dos pertama dan 38,563 penerima dos kedua," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan bagi mengulas laporan berhubung Sabah mencapai sasaran 40



OUTREACH: Penduduk di kawasan PKPD turut dibantu untuk mendapatkan vaksin melalui program outreach UMS.

peratus kadar vaksinasi melibatkan populasi dewasa.

Taufiq berkata, selain meningkatkan keupayaan pemberian dos vaksin dari 1,000 ke 4,000 dos sehari, PPV-IPT UMS juga mengadakan program vaksinasi secara tanpa janji temu atau 'walk-in' kepada individu yang masih belum menerima tarikh janji temu melalui aplikasi MySejahtera.

Katanya, sejak Julai lalu, UMS bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) untuk melaksanakan program outreach pemberian vaksin kepada penduduk luar bandar melalui program outreach.

"UMS yang amahumemasitkan lebih ramai penduduk khususnya sekitar Kota Kinabalu menerima suntikan vaksin, sekali gun mening-

katkan lagi peratusan populasi penduduk di negeri ini divaksinasi," jelasnya.

Menurutnya, UMS tidak hanya menjayakan program vaksinasi melalui PPV, tetapi turut menggerakkan kakitanganannya untuk melaksanakan aktiviti pemberian vaksin kepada penduduk luar bandar melalui program outreach.

Katanya, sejak Julai lalu, UMS bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) untuk melaksanakan program outreach pemberian vaksin kepada penduduk di kawasan terlibat.

"Kolaboratif dengan JKNS, DBKK, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Cawangan



VAKSINASI: Program vaksinasi secara tanpa janji temu mendapat sambutan tinggi di PPV-IPT UMS.

Sabah dan Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) kawasan turut menggerakkan program vaksinasi di beberapa kawasan terpilih sekitar Kota Kinabalu, antaranya Taman Telipok Jaya, Universiti Apartment dan Tanjung Aru, dengan beberapa kawasan akan menyusul sekitar bulan ini," katanya.

Dalam pada itu katanya, dianggarkan sejumlah 2,076 penduduk diberikan suntikan dos vaksin melalui program berkenaan.

Beliau berkata, ia adalah sumbangan UMS bukan sahaja bagi membantu kerajaan negeri mencapai sasaran kadar vaksinasi, malah menjadi tanggungjawab sosial universiti ke arah matlamat keselamatan dan kesejahteraan rakyat di negeri Sabah.



SUNTIKAN: Pendekatan vaksinasi secara 'walk in' memudahkan penduduk sekitar Kota Kinabalu mendapatkan suntikan vaksin tanpa perlu menunggu janji temu.

Taufiq berkata, pandemik COVID-19 banyak memberi cabaran bukan sahaja kepada sektor ekonomi tetapi juga kepada sistem pendidikan. Sehubungan itu, pihaknya

amat berharap sasaran untuk mencapai imuniti kelompok dapat dipercepatkan agar setiap aktiviti sosial dan ekonomi mampu dibuka dan kembali seperti normal.